

Poliklinik UMS sedia Perkhidmatan Terbaik

Universiti Malaysia Sabah menerusi Sekolah Perubatan sentiasa berusaha untuk memberi tumpuan khusus dalam penyediaan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada pelajar dan kakitangan UMS serta orang awam.

Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata, kewujudan Poliklinik UMS adalah selaras dengan tekad kerajaan untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan di kawasan setempat.

Katanya, pembinaan poliklinik itu dijangka dapat memberikan perkhidmatan kesihatan melibatkan

kawasan Kingfisher, Kampung Bangka-bangka dan sekitar kawasan Sepanggar. "Difahamkan kawasan Sepanggar tiada klinik kesihatan kerajaan selain daripada Klinik Kesihatan Kecil di Kampung Likas. Pembinaan poliklinik tersebut memberi banyak manfaat kepada penduduk setempat,"katanya semasa menyempurnakan perasmian Poliklinik UMS di Riverside Plaza, Kingfisher pada 28 Januari yang lalu. Teks ucapan perasmian beliau dibacakan oleh Dekan Sekolah Perubatan, Prof. Dr. Osman Ali.

Dr. Kamaruzaman memberitahu bahawa Poliklinik UMS merupakan sebuah klinik alternatif kepada pelajar di universiti tersebut selain daripada Pusat Rawatan Warga UMS yang hanya

beroperasi pada waktu pejabat sahaja. Tetapi jelasnya, dengan kewujudan poliklinik berkenaan ia akan dapat mencapai hasrat UMS untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik untuk semua.

Dalam hubungan itu, beliau menyeru semua pihak agar menyumbang idea dan tenaga ke arah memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik. "Dengan usaha tekun dan azam kalian, saya menaruh keyakinan bahawa hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan masyarakatnya yang sihat dan produktif akan tercapai selari dengan aspirasi '1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,'" kata Prof Dr Kamaruzaman.

